

# Jaafar Hassan akan letak jawatan akhir bulan depan

Oleh ZAINAL ABIDIN BUJAL

**KANGAR, Rabu** — Datuk Haji Jaafar Hassan, yang menjadi Menteri Besar Perlis sejak 10 tahun lalu akhirnya mengambil keputusan mengundur diri dan terus bersara dari politik hujung bulan depan.

Beliau akan meletakkan jawatan Menteri Besar Perlis dan juga mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Bintong apabila cuti sakitnya berakhir 31 Oktober depan.

Keputusan beliau itu, yang dipercayai muktamad, disampaikan ketika berucap kepada pemaju-pemaju KEMAS, ahli-ahli JKKK dan ketua-ketua UMNO cawangan Bintong dalam satu perjumpaan berhubung

dengan kempen pendaftaran pengundi di Rumah Tetamu di sini Isnin lalu.

Datuk Haji Jaafar, yang menyambung cuti sakit dari bulan ke sebulan setelah menjalani pembedahan saluran darah ke jantung di London awal Februari lalu, difahamkan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur Rabu depan.

Selepas memberitahu Perdana Menteri mengenai hasratnya untuk berhenti, Datuk Haji Jaafar dijangka mengadap Raja Perlis mempersembahkan kepada baginda sama ada Datuk Seri Dr. Mahathir merestui keputusannya meletakkan jawatan.

## Enggan

Pemangku Menteri Besar, Haji Ali Ahmad tidak dapat ditemui kerana beliau masih berihat di Pulau Pinang dan hanya akan balik bertugas Jumaat ini.

Datuk Haji Jaafar sendiri tidak dapat dihubungi bagi mengesahkan kerana beliau enggan menemui wartawan.

Apa yang diragukan sekarang ialah sama ada Haji Ali akan mengangkat sumpah menyandang jawatan Menteri Besar apabila Datuk Haji Jaafar melepaskan jawatan tersebut atau terus menjadi pemangku sehingga selesai pilihanraya kecil kawasan Bintong yang pasti diadakan berikutan kerusi yang dikosongkan oleh Datuk Haji Jaafar.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia